

11 MAR 2004

Mahathir-Calon

BN KEDAH DINASIHAT KERJA KUAT DAN JANGAN TERLALU YAKIN BOLEH MENANG

ALOR STAR, 11 Mac (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Barisan Nasional (BN) Kedah tidak boleh bersikap ambil mudah dan terlalu yakin boleh menang pada pilihan raya umum nanti kerana menganggap pembangkang kini tidak mempunyai isu besar untuk diketengahkan.

Dr Mahathir yang juga Penasihat Pilihan Raya BN Kedah berkata jentera BN khususnya Umno sebaliknya perlu bekerja keras bagi memastikan mandat lebih dua pertiga dalam pilihan raya umum ini.

"Kita tak nak kalah satu kerusi pun di Kedah, sebab itu kita tidak boleh main-main dalam pilihan raya ini. Hasrat kita ialah supaya kita menang semua kerusi," katanya ketika berucap pada majlis pengumuman calon BN di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata dengan meletakkan sasaran untuk memenangi semua kerusi yang ditandingi, BN akan mencapai kemenangan lebih dua pertiga.

Sebaliknya jika jentera BN terlalu yakin dengan kemenangan sehingga ada anggota tidak keluar mengundi maka BN tidak akan mendapat kemenangan besar, katanya.

Beliau berkata oleh itu semua anggota parti mesti berusaha untuk menentukan setiap calon yang bertanding atas tiket BN menang, termasuk dengan keluar mengundi tanpa mengira siapa yang dicalonkan.

Dr Mahathir turut meminta anggota parti menggerakkan jentera pilihan raya di kawasan masing-masing dan mula bekerja menyokong calon yang dipilih oleh pucuk pimpinan untuk memberi kemenangan kepada BN Kedah.

"Saya nak agar BN menang (kerana) bila dah kalah, nak menang (semula) susah...jangan kira bulu, pilih warna dan parti mana, asalkan calon BN, kita sokong.

"Jangan nanti bila diumumkan (nama calon), kita balik tutup bilik gerakan. Kita mesti bersabar dan bertenang...mungkin orang lain lebih baik,

mungkin bukan giliran kita lagi," katanya.

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa anggota-anggota parti perlu mengutamakan kepentingan perjuangan parti dan bukannya individu tertentu kerana apa yang diinginkan ialah kerajaan yang kuat dan sukar untuk digugat.

Mahathir berkata beliau juga akan menyokong siapa jua calon yang dipilih walaupun jika terdapat nama-nama yang tidak sehaluan dengannya.

"Yang saya lihat ada yang tidak sebulu dengan saya, cemuh saya dipilih (jadi calon) dan saya tetap akan sokong (mereka)," katanya.

Beliau berkata ini kerana perjuangan BN bukan untuk individu tertentu tetapi adalah untuk menubuhkan kerajaan dan beliau tidak berhak untuk menidakkan calon-calon yang telah dipilih.

Sementara itu, Menteri Besar Syed Razak Syed Zain ketika berucap pada majlis itu berkata siapa yang dipilih atau tidak dipilih tidak penting asalkan setiap calon yang dikemukakan BN diterima oleh rakyat di negeri ini.

Syed Razak yang juga Pengerusi BN negeri berkata, dalam sistem demokrasi memang ramai yang berminat untuk menjadi calon tetapi tidak ramai yang sedar bahawa tanggungjawab itu tidak mudah kerana rakyat yang akan membuat pilihan.

"Yang penting ialah kita menang pilihan raya, yang calon-calon kita diterima rakyat," katanya.

Beliau berkata bagi mereka yang terpilih sebagai calon BN diharap menerima keputusan itu sebagai satu tanggungjawab kepada rakyat dan bagi yang tidak terpilih, juga menerimanya sebagai satu tanggungjawab untuk bersama-sama bekerja bagi memastikan kemenangan BN.

-- BERNAMA

SN MZM MNH ZS PR